

# **MyKasih Love My School dilancar**



**Nurul Izzah ketika merasmikan majlis perasmian MyKasih Love My School dan Program Kitar Semula di SK Mengkuang, semalam.**

**PERMATANG PAUH** - Permatang Pauh melakar sejarah tersendiri apabila melaksanakan program Recyclce for Life di dua sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Mengkuang dan SK Guar Perahu di sini.

Menariknya program ini bercirikan sistem terkini seumpamanya yang mana hanya memerlukan murid membuat pembelian barang makanan dengan menggunakan kad pintar MyKasih.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar berkata, pihaknya berbesar hati apabila Parlimen ini dipilih bagi melaksanakan program berkenaan di Pulau Pinang.

"Alhamdulillah, program ini memberikan manfaat kepada 300 murid di kedua-dua sekolah yang terlibat, yang mana mereka dapat membeli barang makanan dengan menggunakan kad unik ini.

"Kedua-dua program ini adalah unik dari segi penggunaan teknologi cip MyKad untuk menyalur elauan secara tanpa tunai kepada penerima yang disasar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media dalam sidang media selepas majlis perasmian program bantuan makanan dan persekolahan MyKasih Love My School dan Program

Kitar Semula di SK Mengkuang, semalam.

Hadir sama, Adun Penanti, Dr Norlela Ariffin.

Sementara itu, Pengurus MyKasih, Jeffrey Perera berkata, seramai 300 murid berpeluang menggunakan kad pintar MyKasih.

"Menerusi kad pintar tersebut, murid akan mendapat bantuan kewangan tanpa tunai sebanyak RM140 sebulan yang membolehkan mereka untuk membeli makanan dan minuman.

"Kad pintar MyKasih tersebut turut dapat digunakan untuk program kitar semula yang memberi ganjaran wang tunai yang akan dikreditkan kepada pemegang kad pintar itu," katanya.

Jelasnya, pelajar yang terpilih di bawah program MyKasih adalah mereka yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan yang bertujuan untuk membantu meringankan beban yang ditanggung.

"Di samping itu, program kitar semula 'Recycle For Life' juga bertujuan meningkatkan amalan kitar semula serta menyokong inisiatif kerajaan untuk pengasingan sampah," katanya.